

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG

SOALAN : NO. 118

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang berinsentif kepada graduan yang berdisiplin dan tetap dalam pembayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau PTPTN agar banyak graduan yang lama masih berhutang untuk digalakkan pembayaran balik PTPTN secara proaktif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap semua graduan. Justeru itu, insentif atau rebat telah diberikan kepada peminjam PTPTN melalui pembentangan Bajet 2013 seperti berikut:

- (i) rebat 10 peratus kepada peminjam yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual; dan
- (ii) diskaun sebanyak 20 peratus bagi peminjam yang melangsaikan baki hutang pinjaman PTPTN mereka dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013.

Keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan graduan diteruskan semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 di mana YAB. Perdana Menteri sekali lagi telah mengumumkan kedua-dua insentif 10 peratus dan 20 peratus kepada peminjam PTPTN. Dalam pengumuman ini, rebat 10 peratus diberikan sehingga 31 Disember 2015, manakala diskaun 20 peratus diberikan bagi tempoh mulai 10 Oktober 2014 sehingga 31 Mac 2015.

Walaupun semua insentif tersebut telah berakhir, pelbagai strategi terus dilaksanakan bagi meningkatkan kutipan balik dan galakan di kalangan peminjam-peminjam. Antaranya kempen-kempen kesedaran, pembukaan 74 cawangan PTPTN di seluruh negara termasuk di UTC, Tesco dan Giant dengan waktu kerja fleksibel, kemudahan bayaran balik secara *online* dan kaunter melalui bank-bank utama, kemudahan potongan gaji, kemudahan bayaran tanpa tunai melalui kad ATM, Kad Debit dan Kad Kredit, taklimat di institusi kerajaan dan swasta secara berkala, dan lain-lain.